

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9339

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah bersepadu yang telah diambil Kerajaan atau Jabatan Imigresen untuk memastikan pintu-pintu masuk negara kita tidak mudah dibolosi secara haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan pada ketika ini menggunakan pendekatan Operasi Bersepadu dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan yang turut diperkasakan dengan pelaksanaan Pelan Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Secara Holistik yang bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan seharian mereka.

Antara kekuatan Pelan ini adalah mengoptimumkan sumber sedia ada melalui Prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan. Pelan ini turut menekankan kesedaran masyarakat setempat berhubung kesalahan dan hukuman yang dikenakan terhadap majikan yang menggaji PATI.

Selain itu, aktiviti naziran oleh Jabatan Imigresen Malaysia ke atas premis-premis yang menggaji pekerja asing turut dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengesan warga asing serta majikan yang melakukan kesalahan imigresen.

Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) yang telah diwujudkan secara pentadbiran melalui naik taraf Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) pada 2 November 2015 melalui keputusan Mesyuarat *High Level*

Committee (HLC) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri juga berperanan bagi tujuan meningkatkan usaha kerajaan dalam membanteras kegiatan jenayah rentas sempadan di sempadan Malaysia - Thailand. AKSEM merupakan satu pasukan penguatkuasaan yang dibentuk melalui gabungan keanggotaan daripada 5 agensi induk yang bertindak secara bersepadu iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN).

Bidang kuasa utama yang digunakan oleh anggota AKSEM dalam melaksanakan penguatkuasaan ke atas aktiviti jenayah rentas sempadan adalah berpandukan kepada undang-undang agensi induk masing-masing. AKSEM pada ketika ini hanya beroperasi di empat (4) buah negeri di seluruh negara iaitu di Negeri Kedah, Kelantan, Perak dan Perlis.

Bentuk penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh AKSEM adalah melibatkan aktiviti seperti risikan, serbuan, tangkapan, sekatan jalan raya tetap (*static*) dan tidak tetap (*mobile*) serta rondaan di kawasan sempadan Malaysia – Thailand. Semua dapatan yang terhasil daripada operasi yang dilaksanakan seperti tangkapan pesalah dan rampasan barangan yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan akan diserahkan kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan mengikut peruntukan undang-undang serta peraturan yang berkaitan bagi tujuan siasatan lanjut dan pendakwaan.